

Bab

Kelima

## BAB KELIMA

### PERUNTUKAN *SYIQĀQ* DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

#### 5.1. Pendahuluan

Kajian kes ini dijalankan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWPKL). Penulis mendapati tiada satu kes pun yang diputuskan di dalam pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* di MSWPKL. Walaupun begitu, di dalam bab ini penulis akan menyentuh dan membincangkan peruntukan *syiqāq* dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) dan prosedur perjalanan kes *syiqāq* di MSWPKL. Ini adalah kerana timbangtara oleh hakam hanyalah berlaku dalam kes *syiqāq* yang menjadi fokus perbincangan dalam bab ini sekalipun tiada kes pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* yang berlaku di MSWPKL.

#### 5.2. Peruntukan *Syiqāq* Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)

##### 5.2.1. Perlantikan Dua Orang Penimbangtara Atau *Hakam* Oleh Mahkamah

*Jika mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (*syiqāq*) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, mahkamah boleh melantik mengikut hukum syarak dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing.<sup>1</sup>*

Sebelum perlantikan dibuat, mahkamah mestilah berpuas hati bahawa persengkeitan atau *syiqāq* benar-benar berlaku di antara kedua suami isteri yang

<sup>1</sup> Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), Aura Production, Kuala Lumpur: 1999, Sek. 48(1), hh. 33-34.

terbabit. Perlantikan tersebut hendaklah dibuat selaras dengan peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dalam hal perlantikan *hakam*. Jelasnya perlantikan *hakam* ini hanya sah mengikut prosedur hukum syarak.

### 5.2.2. Perlantikan *Hakam* Diberi Keutamaan Kepada Saudara-Saudara Karib

*Pada melantik hakam di bawah subseksyen (1) mahkamah hendaklah jika boleh memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak yang berkenaan itu yang tahu akan hal keadaan kes itu.<sup>2</sup>*

Di dalam peruntukan ini, mahkamah hendaklah memberi keutamaan melantik *hakam* di kalangan saudara-saudara karib pasangan suami dan isteri yang tahu tentang hal keadaan *syiqāq* tersebut. Ini bersesuaian dengan saranan Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang berbunyi:

وَإِنْ جَنَحُوكُمْ بِسَقَاقِ يَمِينِكُمْ فَلَا يَأْتُوكُمْ مِنْ أَهْلِهِ  
وَحَكَمْتُمْ بِمِنْ أَهْلِهِ إِنْ فِرِيدَ إِصْنَحَ يُوقَنُ اللَّهُ يَعْلَمُ  
أَنَّكُمْ عَلَيْهِ خَبِيرُوا

Surah al-Nisā' (4): 36.

Ertinya: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya.

### 5.2.3. Arahan Mahkamah Kepada *Hakam*

*Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada hakam tentang hal menjalankan penumbangtaruan dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan-arahan itu dan hukum syarak.<sup>3</sup>*

<sup>2</sup>Ibid., Sek. 48(2)

<sup>3</sup>Ibid., Sek. 48(3).

Walaupun *hakam* mempunyai kebebasan sebagaimana hakim, ini tidaklah menghalang dia menerima arahan dan tunjuk ajar di dalam menjalankan penimbangtaraan. Kadangkala arahan dan tunjuk ajar ini dianggap sebagai kaedah-kaedah dan taklimat-taklimat kepada *hakam*. Di antara contoh-contoh yang masyhur yang terdapat dalam sejarah kehakiman Islam ialah risalah Khalifah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb r.a. kepada hakimnya Abū Mūsā al-Asy'arī r.a. Imam Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah berkata setelah menyebut risalah ini, "Inilah sebuah penulisan yang agung, diterima oleh para ulama' lalu mereka membina di atasnya prinsip-prinsip hukum dan kesaksian. Para hakim dan mufti amat memerlukan kepadanya dan menelitiinya serta berusaha memahaminya dengan mendalam."<sup>4</sup>

Begitulah juga dalam konteks penimbangtaraan di mana mahkamah mempunyai kuasa di dalam memberikan arahan dan bimbingan kepada *hakam*. Ini adalah untuk menjaga institusi tersebut berjalan mengikut peraturan dan hukum syarak.

#### 5.2.4. Pemecatan *Hakam*

*Jika hakam tidak dapat bersetuju atau jika mahkamah tidak puas hati dengan cara mereka menjalankan penimbangtaraan itu, mahkamah boleh memecat mereka dan melantik hakam lain bagi menggantikannya.*<sup>5</sup>

Mahkamah mempunyai hak untuk memecat *hakam* yang dilantik apabila timbul rasa tidak puas hati dengan cara penimbangtaraan oleh *hakam*. Ini adalah berdasarkan kepada *maṣlahah syar'iyyah* untuk memastikan perjalanan

<sup>4</sup>Syams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Abū Bakr ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1991), *I'lām al-Muwaqqi 'ut an Rah al-Ālamīn*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 68.

<sup>5</sup>Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), op. cit., Sek 48(4)

penimbangtaraan mengikut peraturan dan landasan syarak. Mahkamah juga mempunyai hak melantik *hakam* yang lain bagi mengantikannya.

Jika sekiranya *hakam* yang dilantik itu tidak dapat mengendalikan tugas yang telah diamanahkan kepadanya dengan baik atau mungkin disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan maka mahkamah dibolehkan untuk melantik *hakam* lain bagi mengantikan *hakam* yang terdahulu.

Sebagai contoh di dalam kes di mana *hakam* mempunyai keputusan yang berbeza dan bertentangan. Salah seorang *hakam* dari suami atau isteri mempunyai pendapat yang berbeza dengan pendapat *hakam* bagi satu pihak lagi dan masing-masing tidak mahu menerima pendapat pihak lain.

Keadaan ini sudah tentu akan menjbulkan perasaan tidak puas hati di antara pihak yang bertelingkah. Ini sudah tentu mengeruhkan lagi suasana dan menyulitkan jalan perdamaian sedangkan Islam sendiri menganjurkan keadilan dan menjauhi sikap berat sebelah. Mengenai soal keadilan, Allah s.w.t. ada berfirman di dalam al-Quran yang berbunyi:

وَإِنْ خَيَّثْتُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤٢﴾

Surah al-Mâidah (5): 42

Artinya: Dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihai orang-orang yang berlaku adil.

Islam sangat mengambil berat soal keadilan kerana dengan keadilanlah kehidupan masyarakat tidak akan menjadi kucar kacir. Mahkamah boleh memecat *hakam* dan melantik *hakam* yang lain sekiranya mahkamah mendapati *hakam*

yang dilantik tidak dapat menyempurnakan tugasnya seperti yang diamanahkan oleh mahkamah.

Ajaran Islam juga sangat mengambil berat mengenai soal amanah tidak kira dalam situasi apapun apatah lagi di dalam situasi mendamaikan suami dan isteri yang bersengketa. Firman Allah s.w.t. :

♦ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَنْتِقَابَ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النِّسَاءِ  
أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Surah al-Nisā' (4): 58

Ertinya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Justru itu *hakam* mestilah berpegang kepada konsep keadilan dan mengelakkan sikap berat sebelah di dalam menjalankan tugasnya sebagai pendamai kepada krisis rumah tangga. Di dalam menjalankan tugas penimbangtaraan, *hakam* juga dikehendaki mematuhi arahan-arahan yang telah ditetapkan oleh mahkamah.

#### 5.2.5. Kuasa *Hakam*

*Hakam* hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh jika kuasa mereka membenarkan melafazkan satu talak di hadapan mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh mahkamah dan jika demikian halnya, mahkamah hendaklah merekodkan lafadz satu talak itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup>Ibid., Sek. 48(5).

Di bawah peruntukan seksyen ini, *hakam* dikehendaki berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal (mahkamah) untuk memberi kuasa penuh kepada *hakam* agar dapat melafazkan talak satu di hadapan mahkamah jika mahkamah memberikan kebenaran berbuat demikian.

Jika sekiranya keizinan atau pun permohonan daripada mahkamah diterima dan diperolehi maka mahkamah hendaklah mencatatkan atau merekodkan lafadz satu talak dan menghantar satu salinan rekod yang sah serta diperakui kepada pegawai pendaftar yang berkenaan dan juga kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan.

Di dalam penimbangtaraan, *hakam* mestilah menggunakan kebijaksanaannya untuk mengawal keadaan dan menenangkan kedua belah pihak supaya mereka berdua dapat memberikan pandangan berkaitan masalah yang dialami dengan fikiran yang waras dan tidak mengikut perasaan.

#### **5.2.6. Perintah Bercerai**

*Jika hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh kerana sesuatu sebab, mahkamah hendaklah melantik hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian dan hendaklah jika mereka berbuat demikian merekodkan perintah itu dan menghantarkan satu salinan rekod itu yang diperakui kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan.<sup>7</sup>*

Seksyen ini memperuntukkan bahawa *hakam* mempunyai kuasa membubarkan perkahwinan sekiranya difikirkan perlu dan munasabah. Jika sebaliknya disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, maka

---

<sup>7</sup>Ibid, Sek. 48(6).

mahkamah hendaklah melantik *hakam* lain bagi menggantikan *hukam* yang terdahulu. *Hakam* itu hendaklah disahkan dan diperakui. Seterusnya diberikan kuasa kepada mereka untuk menyambung tugas yang tergendala tersebut di atas alasan yang tidak dapat dielakkan.

Setelah melalui beberapa siri perbincangan di antara kedua pasangan suami isteri, *hakam* akan menyampaikan kepada mahkamah keputusan yang dicapai melalui perbincangan tersebut. Mahkamah akan membuat keputusan berdasarkan penimbangtaraan dua orang *hakam* yang telah dilantik samada mendamaikan atau memisahkan pasangan tersebut dengan memerintahkan suami menjatuhkan talak satu kepada isterinya.

### **5.3. Prosedur Perjalanan Kes *Syiqāq* Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan**

#### **5.3.1. Pendekatan Menangani Kes *Syiqāq***

Di dalam menangani masalah kes *syiqāq* di antara pasangan suami isteri ianya berlaku dalam dua bentuk pendekatan. Dua bentuk pendekatan tersebut ialah melalui khidmat nasihat kaunseling oleh Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga (UPPK) JAWI dan perlantikan *hakam* oleh MSWPKL.

Proses khidmat nasihat kaunseling oleh UPPK merupakan prosedur awal yang perlu diikuti oleh pasangan yang berkrisis dalam usaha merungkaikan krisis yang dihadapi. Manakala perlantikan *hakam* merupakan prosedur kedua yang perlu dilalui sekiranya UPPK gagal menyelesaikan krisis tersebut.

UPPK dan *hakam* diletakkan di bawah organisasi yang berbeza iaitu UPPK berada di bawah pentadbiran JAWI manakala *hakam* adalah di bawah

kuasa pentadbiran MSWPKL. Walaupun UPPK dan *hakam* diletakkan di bawah organisasi yang berbeza namun fungsi kedua-duanya hampir sama iaitu bertindak sebagai badan pendamai bagi pasangan suami isteri yang berkrisis. Cumanya fungsi UPPK agak lebih luas meliputi semua aspek masalah kekeluargaan dan tidak terhad kepada krisis rumahtangga. Kedua-dua badan ini berkait rapat dalam usaha menyelesaikan pertelingkahan suami isteri.

Perbezaan fungsi kedua-dua badan ini juga ialah di mana UPPK hanya sekadar bertindak sebagai badan pendamai untuk membimbing dan menasihati pasangan suami isteri tetapi tidak mempunyai kuasa membubarkan perkahwinan. Sedangkan *hakam* bertindak sebagai badan pendamai untuk membimbing dan menasihati pasangan suami isteri dan mempunyai kuasa membubarkan perkahwinan apabila dimandatkan kuasa talak.

### 5.3.2. Prosedur Perjalanan Kes *Syiqāq*<sup>8</sup>

Biasanya pasangan suami isteri yang menghadapi krisis rumahtangga dan bercadang untuk bercerai sama ada suami atau isteri akan datang secara terus ke mahkamah. Bagi setiap kes yang diadukan ke mahkamah pada peringkat awal akan memastikan pasangan tersebut telah mendapat khidmat nasihat kaunseling dari UPPK, JAWI kerana proses ini merupakan prosedur awal yang perlu dilalui oleh setiap pasangan sebagaimana yang di sebutkan sebelum ini.

Selepas menerima aduan, mahkamah akan meminta pasangan tersebut mengisi borang permohonan perceraian. Setelah borang tersebut diisi dan

<sup>8</sup>Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Hj Saarif b. Asron, temubual pada Januari 2002.

mahkamah berpuas hati bahawa *syiqāq* sentiasa berlaku di antara mereka serta mahkamah mendapati ada kemungkinan pasangan tersebut boleh didamaikan semula atau atas permintaan pasangan itu sendiri mahkamah akan melantik seorang *hakam* daripada pihak suami dan seorang *hakam* daripada pihak isteri. Adalah lebih baik *hakam* dipilih sendiri oleh pasangan berkenaan di kalangan keluarga terdekat masing-masing bagi mewakili mereka. Setelah pasangan itu mewakilkan wakil masing-masing mahkamah akan mendaftarkan nama-nama mereka untuk disahkan dan diperakui sebagai *hakam*. Mahkamah akan memberikan arahan-arahan tertentu sebagai panduan dan bimbingan kepada *hakam* di dalam menjalankan tugas masing-masing. Suami dan isteri akan diarahkan oleh mahkamah untuk melafazkan *wakālah* yang bertujuan menyerahkan kuasanya kepada *hakam* masing-masing dalam menyelesaikan krisis tersebut.

Kedua-dua *hakam* itu akan menyelidiki punca-punca yang menyebabkan berlakunya perselisihan tersebut. Perbincangan di antara mereka diadakan dari masa ke semasa melihat kepada situasi dan keadaan. Sekiranya hasil dari perbincangan tersebut, kedua *hakam* itu berpendapat pasangan itu perlu berdamai dan bersatu semula mahkamah akan memerintahkan pasangan itu berdamai dan bersatu. Tetapi jika kedua-dua *hakam* berpendapat adalah lebih baik pasangan itu berpisah maka mahkamah akan mengarahkan suami melafazkan talak satu kepada isterinya.

Sekiranya *hakam* gagal mendapatkan kata putus atau gagal menjalankan tugasnya dengan baik maka mahkamah boleh memecat mereka dan melantik

*hakam* yang lain untuk menangani kes *syiqāq* tersebut sehingga lah keputusan diperolehi samada pasangan tersebut berdamai dan bersatu atau berpisah.

#### 5.4. Kesimpulan

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) secara jelas memperuntukkan seksyen 48 berkenaan dengan timbangtara untuk menangani kes *syiqāq*. Sekalipun ada peruntukan undang-undang berkenaan timbangtara dalam menangani kes *syiqāq*, namun tiada kes permohonan pembubaran perkahwinan melalui perlantikan *hakam* atau timbangtara di MSWPKL. Perkara ini diakui sendiri oleh Penolong Pendaftar MSWPKL.

Pasangan suami isteri yang bersengketa hanya diberikan khidmat nasihat kaunseling oleh UPPK JAWI sebagai badan pendamai tetapi tiada kuasa membubarkan perkahwinan setelah gagal mendamaikan pasangan tersebut.

Penulis percaya, tiadanya pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* adalah kerana pasangan suami isteri akan melalui proses jangka masa yang lama dalam menyelesaikan kes dengan menggunakan orang tengah iaitu *hakam*. Setelah perbincangan selesai di antara mereka maka *hakam* akan menyerahkan kes ini untuk diputuskan. Sekiranya mahkamah tidak berpuas hati terhadap penimbangtaraan itu, maka mahkamah mempunyai hak untuk memecat *hakam* dan melantik *hakam* yang lain menggantikan *hakam* yang terdahulu. Ini mengambil masa yang lama sedangkan pasangan suami isteri mungkin tidak boleh bersabar dalam suasana mereka yang sedang mengalami konflik dan krisis.

Pasangan lebih selesa membuat permohonan pembubaran perkahwinan kerana alasan-alasan yang selain daripada *syiqāq*.

Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang keluarga Islam Wilayah Persekutuan jelas tidak mengabaikan perkara timbangtara bagi menangani kes *syiqāq* di kalangan suami isteri demi menjamin kemaslahatan pasangan suami isteri dan keluarga kedua-dua pihak.